
| | |
|-----------|--|
| Title | Pendidikan berteraskan kebolehan (ability-driven education): Reformasi dalam pengajaran Bahasa Melayu |
| Author(s) | Tajul Arif Mohd Yusof |
| Source | <i>Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu ke-2 bertemakan "Ke arah bitara keserjanaan Melayu", Singapura, 1-3 September 2002</i> |

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

PENDIDIKAN BERTERASKAN KEMAMPUAN (ABILITY-DRIVEN EDUCATION): REFORMASI DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU



Tajul Arif Mohd Yusof
National Institute of Education Singapore

1 Pendahuluan

Sistem Pendidikan di Singapura merupakan sebuah sistem yang diakui sebagai sistem yang berjaya. Kejayaan ini tercapai kerana kepimpinannya yang cekap, visi yang jelas dan keyakinan yang kuat. The Times Educational Supplement mengiktiraf Singapura sebagai “the most academically successful nation in the world”. Walau bagaimanapun masih ada ruang yang harus diberi perhatian agar kejayaannya bukan sahaja berkekalan malah lebih meningkat lagi.

Dalam masa dua tahun yang lepas Kementerian Pendidikan Singapura telah berusaha menentukan arah tuju yang baharu bagi masa depan negara. Arah tuju ini diharapkan dapat membentuk pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik , kreatif dan mempunyai komitmen terhadap negara Singapura.

Dalam dunia yang cepat berubah ini, negara Singapura harus melabur dalam bidang pendidikan golongan muda supaya mereka menjadi pemikir negaranya agar masa depan negara ini terjamin.

2 Falsafah Pendidikan Sekolah Singapura

Falsafah yang mendasari sistem pendidikan di Singapura telah termaktub

di dalam Misi Perkhidmatan Pendidikan. Ciri-cirinya adalah seperti berikut:

- a bagi membentuk masa depan negara melalui pembentukan rakyatnya
- b akan menyediakan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh
- c memperkembang sepenuh potensi mereka
- d memupuk mereka supaya menjadi warga negara yang baik
- dan e peka akan tanggungjawab mereka terhadap keluarga masyarakat dan negara.

Falsafah ini digubal kerana keadaan Singapura yang unik yakni sebuah negara yang kecil, keluasan tanah yang terhad, kurangnya hasil-hasil semula jadi, dan rakyatnya yang berbilang bangsa dan budaya.

Pendidikan di Singapura bertujuan membentuk rakyatnya yang bermoral, berdaya intelek, produktif dari segi ekonomi, bertanggungjawab dari segi sosial, cergas serta bertenaga, dan perihatin terhadap nilai-nilai estetik.

Sistem pendidikan di Singapura mencerminkan prinsip-prinsip utama dan jati diri masyarakat Singapura. Ciri-cirinya ialah:

- a peluang untuk semua
- b meritokrasi
- c dwibahasa
- d pendidikan moral dan kewarganegaraan

- e penekanan kepada nilai-nilai, ilmu dan kemahiran bagi kehidupan yang efektif

Pendidikan di sekolah-sekolah nasional membekalkan ilmu-ilmu asas, dan seterusnya pendidikan dan latihan untuk menyediakan mereka akan ekonomi yang berteraskan ilmu pengetahuan.

3 Evolusi Pendidikan Sekolah di Singapura

Dalam tahun 1959, Singapura sebagai sebuah negara yang merdeka bertanggungjawab mendidik warga negaranya. Sudah empat dekad berlangsung sistem pendidikan Singapura telah berkembang bagi memenuhi keperluan-keperluan sebuah negara yang merdeka di setiap peringkat perkembangannya. Polisi-polisi telah digubal dan diubah mengikut masa dan keadaan. Walau bagaimanapun prinsip-prinsip meritokrasi dan keharmonian kaum dan agama merupakan dasar yang menentukan polisi-polisi sistem pendidikan itu.

3.1 Survival – Driven Education: Membina Asas

Pada tahun 1959, keutamaan negara ialah penakatan – bertujuan membina negara yang bersatu padu dan maju ekonominya. Pendidikan merupakan strategi utama melahirkan warga negara yang berkemahiran dan bersatu padu. Justeru itu tugas yang utama ialah menyediakan peluang belajar bagi setiap pelajar, menempatkan guru-gurunya dan menyatukan aliran-aliran pendidikan yang mengikut etnik kepada satu sistem pendidikan nasional.

3.2 Efficiency – Driven Education: Mengurangkan Pembaziran, Meningkatkan Pencapaian

Dalam tahun 1979, sistem pendidikan digubal yang bertujuan meningkatkan keberkesanan dan mengelakkan pembaziran. Pada tahun tersebut **Laporan Goh Keng Swee 1979** telah diperkenalkan yakni '*streaming by ability*' bagi pelajar-pelajar rendah dan menengah. Mereka diajar '*differentiated curricula*' dan '*differentiated pace of learning*'. Hal ini dilaksanakan kerana kebolehan para pelajar yang berbeza-beza. Justeru itu pendidikan rendah mengambil masa 6 hingga 8 tahun dan pendidikan menengah 4 hingga 5 tahun berdasar kepada aliran masing-masing. Melalui sistem yang berkesan ini, kadar berhenti sekolah menurun dan kadar pencapaian meningkat. Para pelajar yang berbeza kebolehan mereka telah merasakan kejayaan dalam pembelajaran masing-masing.

3.3 Ability-Driven Education: Mendidik untuk Masa Depan

Dalam tahun 1997, pendidikan di Singapura memasuki fasa baru. Tren dunia ke arah globalisasi, perubahan teknologi yang pesat, dan kepentingan modal intelektual, menjadi pencetus inisiatif-inisiatif baru dalam pendidikan. Untuk negara Singapura beroleh kejayaan dari segi ekonomi, rakyatnya perlu mengikuti tempo perubahan tersebut.

Adalah penting dipupuk di dalam diri para pelajar minat belajar sepanjang hayat. Ini termaktub di dalam visi Kementerian Pelajaran *Thinking Schools, Learning Nation.*” Tumpuan pada masa kini ialah:

- a struktur pendidikan yang responsif
- b menjana enviromen sekolah yang berpusatkan pelajar
- c menyemai nilai dan memupuk kemahiran berfikir
- dan d membina perkhidmatan pengajaran yang bermutu

Kurikulum telah digubal supaya penekanan ditumpukan kepada:

- a kemahiran berfikir dan pembelajaran independen
- b kandungan pelajaran dikurangkan untuk memberi lebih masa kepada pemupukan berfikir kritis dan kreatif
- c membina kualiti-kualiti intelektual, moral dan sosial
- d penggunaan teknologi maklumat sebagai elemen utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

dalam masa yang sama:

- a Pendidikan Nasional diserapkan ke dalam kurikulum sekolah bagi memupuk rasa taat setia kepada negara Singapura
- b Pendidikan moral perlu ditekankan seterusnya supaya para pelajar berpegang teguh kepada prinsip-prinsip moral di dalam dunia yang

- sering berubah nilainya.
- c Cara-cara penilaian diperluaskan merangkumi kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, berkerjasama dalam kumpulan dan berkomunikasi dengan efektif.
 - d Kerja-kerja projek telah dilaksanakan di sekolah-sekolah dan maktab-maktab rendah.

Justeru itu apabila pelajar-pelajar keluar dari sekolah, mereka sudah mendapat kemahiran-kemahiran asas berfikir secara kreatif dan independen, berkomunikasi dengan berkesan, menyelesaikan masalah, tinggal dan bekerja dengan harmoni dalam kumpulan-kumpulan kerja dan sosial, berkekalan di Singapura dan terus belajar sepanjang hidup mereka.

Pendidikan rendah bertujuan membina asas numerasi, literasi, pembinaan watak dan perkembangan kemahiran – kemahiran sosial dan emosi. Pendidikan menengah pula menyediakan pendidikan yang lebih luas yang berasaskan pendidikan asas tersebut. Pendidikan selama 10 atau 11 tahun akan menentukan semua pelajar belajar kemahiran-kemahiran dan ilmu-ilmu asas untuk menyediakan mereka ke alam pekerjaan dan latihan seterusnya, dan menerima pengalaman pendidikan yang sama bagi membina jati diri nasional dan perpaduan sosial.

3.3.1 Visi “Sekolah Berdaya Fikir, Negara Pencinta Ilmu”

Visi “Sekolah Berdaya Fikir, Negara Pencinta Ilmu” yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Singapura pada tahun 1997 adalah wawasan pemerintah bagi pendidikan Singapura dalam abad ke-21. Wawasan ini bertujuan untuk memajukan sistem pendidikan Singapura bagi menyediakan rakyat menghadapi masa depan negara. Memandangkan bahawa abad akan datang pelbagai cabaran perlu ditempuhi, pemerintah berpendapat sistem pendidikan Singapura harus mewujudkan para pemimpin yang berkaliber yang akan dapat mengenal pasti masalah dan langkah-langkah bagaimana untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

“Sekolah Berdaya Fikir” bermaksud negara akan menyediakan para pelajar yang berkemahiran, berilmu pengetahuan, mengamal nilai-nilai yang baik bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan. “Negara Pencinta Ilmu” pula bermatlamat memupuk dan menanam budaya terus belajar sepanjang hayat.

Pada tahun 1997 itu juga, Kementerian Pendidikan Singapura telah memperkenalkan tiga inisiatif iaitu Kemahiran Berfikir, Pendidikan Nasional dan Teknologi Maklumat. Ketiga-tiga inisiatif ini perlu diserapkan dalam pengajaran.

3.3.1.1 Kemahiran Berfikir dalam Pendidikan

Dengan kadar perkembangan ilmu pengetahuan yang pantas, keperluan kepada kemahiran berfikir semakin penting di kalangan masyarakat. Dengan hal

yang demikian adalah perlu supaya para pelajar sekolah dilatih dan dibekalkan kemahiran berfikir seperti menganalisis, menilai maklumat, membuat keputusan dan sebagainya.

Selain daripada membekalkan mereka kemahiran berfikir, para pelajar harus ditanam sikap berdikari dan berkeinginan belajar sepanjang hayat. Marzano (1992) mengkategorikan perlakuan minda yang produktif ini kepada tiga kategori umum berfikir yakni, kritikal, kreatif dan self-regulated.

Program Berfikir telah dirangkakan dengan objektif-objektif berikut:

- a Membolehkan pelajar-pelajar memperolehi dan memahami kemahiran-kemahiran berfikir yang utama dan cara-cara penggunaannya
- b Mengaplikasikan kemahiran-kemahiran berkenaan ke dalam pengajaran mata pelajaran bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah
- c Memupuk perlakuan-perlakuan yang positif yang akan membantu para pelajar menjadi lebih kritis, kreatif dan self-regulated

Program Berfikir ini menumpukan kepada lapan kemahiran berfikir yang utama iaitu memberi tumpuan, mengumpul maklumat, merancang, menganalisis, menghasilkan, mengintegrasikan dan menilai (Marzano, 1988). Kemahiran-kemahiran ini penting untuk menyelidik, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

3.3.1.2 Perutusan Pendidikan Nasional dalam Pendidikan

Matlamat Pendidikan Nasional ialah untuk memupuk perpaduan nasional, “survival instincts”, dan keyakinan terhadap masa hadapan Singapura. Sikap ini dapat disemai melalui kesedaran terhadap identiti dan maruah sebagai rakyat Singapura. Negara Singapura telah berjaya mengharungi berbagai rintangan sebelum menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Nilai-nilai yang disebut di atas yang telah menentukan kejayaan dan kesejahteraan Singapura. Perdana Menteri Singapura, En Goh Chok Tong dalam ucapan beliau di Teachers’ Day Rally pada 8 September, 1996 telah menggariskan tujuan Pendidikan Nasional.

“It is an exercise to develop instincts that become part of the psyche of every child. It must engender a shared sense of nationhood, an understanding of how our past is relevant to our present and future. It must appeal to both heart and mind.”

3.3.1.3 Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan

Beberapa tahun kebelakangan beberapa perubahan dalam sistem pendidikan telah berlaku di kawasan Asia Pasifik yang memerlukan para guru meningkatkan kemahiran teknologi mereka. Perubahan-perubahan tersebut adalah disebabkan oleh polisi-polisi kerajaan berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat di sekolah-sekolah. Hal ini terjadi kerana kemajuan ekonomi sesebuah negara dalam abad ke-21 bergantung kepada sejauh mana negara-

negara berkenaan dapat menyesuaikan dan berkembang di dalam enviromen global Teknologi Maklumat. Berdasarkan kepentingan ekonomi ini jugalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah dan para pendidik menyediakan para pelajar menghadapi perubahan-perubahan teknologi global ini.

Perubahan-perubahan yang berlaku bukan sahaja dari sudut teori tetapi juga pedagogi yang merupakan elemen yang penting di dalam sesuatu pengajaran yang berkesan. Komputer berpotensi memberi sumbangan dalam usaha ini. Sebelum itu para guru haruslah meningkatkan keupayaan mereka dalam penggunaan komputer dan juga penggunaan komputer dalam bilik darjah supaya penggunaan teknologi dapat mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran murid-murid.

4 Tujuan dan Matlamat Program Pengajaran Bahasa Melayu (Sekolah Rendah)

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu telah melakarkan tujuan dan matlamat Program Pengajaran Bahasa Melayu seperti berikut:

Matlamat program ini ialah untuk membolehkan murid-murid:

- Mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan betul dan berkesan
- Berfikir secara kritis dan kreatif melalui penggunaan bahasa
- Berkomunikasi dengan berkesan secara lisan dan bertulis mengenai perkara sehari-hari
- Memperoleh maklumat, idea dan pengetahuan melalui pendengaran dan/atau pembacaan dalam berbagai-bagai konteks

- Bercakap mengenai isu-isu yang mudah dengan lancar, menyatakan pendapat, bertanya serta memberikan penjelasan yang relevan dan mengikut peraturan yang diterima umum
- Menilai dan menghargai unsur-unsur budaya Melayu khususnya dan budaya kaum-kaum lain amnya
- Menghargai bahasa sebagai alat perhubungan dalam kehidupan bermasyarakat

4.1 Nilai Budaya

Dalam hal pengajaran nilai-nilai budaya pula sukatan pelajaran sekolah rendah memberi perhatian dalam aspek-aspek seperti di bawah ini:

Memupuk sikap dan nilai yang murni sesuai dengan budayanya sendiri dalam konteks negara berbilang bangsa dan budaya. Murid-murid diharapkan akan dapat mencapai kemahiran-kemahiran berikut:

- Menggunakan bahasa sebagai alat pembentuk sikap dan nilai
- Menunjukkan sikap positif terhadap budaya-budaya lain seperti yang digambarkan atau dipancarkan melalui teks tulisan atau secara lisan
- Memberi dan menerima kritik-kritik yang membina dalam konteks
- Menerangkan kelainan atau perbezaan unsure-unsur budaya dan sedar perlunya memperbaiki keadaan hidup

- Mengenal pasti nilai-nilai sejagat seperti keadilan, tanggungjawab, persamaan dan lain-lain
- Melakukan tugas yang telah diberikan sebaik mungkin

4.2 Hasil Ketara Pembelajaran Mengikut Peringkat - Nilai Budaya

Di akhir pendidikan rendah diharapkan murid dapat meresapi nilai-nilai dan sikap yang sesuai dengan budaya sendiri dalam sebuah negara yang berbilang bangsa dan budaya. Secara khusus murid dapat:

- Menggunakan bahasa untuk meresapi nilai dan membentuk sikap
- Berpandangan dan bersikap positif terhadap budaya lain melalui bahasa
- Melahirkan dan sedia menerima kritik membina dalam konteks berkomunikasi
- Mengenal pasti nilai-nilai sejagat melalui bahasa
- Menggunakan sistem panggilan yang betul berdasarkan konteks
- Bertindak balas dengan berbudi bahasa dalam berbagai situasi
- Menerangkan kelainan atau perbezaan unsur-unsur budaya dan sedar perlunya memperbaiki keadaan hidup
- Mengenal pasti dan menghargai nilai-nilai budaya sendiri terutama yang sesuai dengan semua masa dan zaman
- Mengenal pasti nilai-nilai sejagat seperti keadilan, tanggungjawab, persamaan dan lain-lain
- Memahami peranan bahasa sebagai wahana penerusan budaya

5 Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Adalah diharapkan guru-guru dapat membina kemahiran murid berfikir secara kritis dan kreatif sebagai tindak balasnya terhadap kandungan pelbagai teks sama ada yang berbentuk tulisan atau lisan. Murid-murid diharapkan akan dapat mencapai kemahiran-kemahiran berikut:

- Membuat ramalan
- Mengelaskan data atau ciri
- Menggunakan bukti untuk menguatkan hujah
- Membuat rumusan atau kesimpulan
- Menyusun informasi atau data
- Menganalisis bukti yang ada
- Menyelesaikan masalah
- Menetapkan criteria untuk menilai sesuatu perlakuan atau idea
- Membezakan fakta dengan pendapat
- Mengenal pasti tanggapan propaganda dalam iklan
- Mengubah pandangan dengan adanya fakta-fakta baru
- Dapat membezakan antara nilai dan sikap yang positif dengan yang negatif
- Membuat keputusan secara induktif dan deduktif
- Dapat menilai baik buruknya sesuatu idea, konsep atau pendapat

5.1 Hasil Ketara Pembelajaran Mengikut Peringkat -

Kemahiran Berfikir

Adalah menjadi tujuan guru-guru supaya murid dapat berfikir dengan luas secara kritis dan kreatif mengenai tajuk-tajuk yang sesuai serta dapat menunjukkan kemahiran itu melalui kemahiran lisan dan menulis. Secara khusus murid dapat:

- Membuat inferensi dari teks yang telah didengar atau dibaca
- Membuat ramalan-ramalan mudah
- Melahirkan pendapat mereka
- Menilai perkara yang bersesuaian dengan peringkat penguasaan bahasa dan kematangan mereka
- Membuat keputusan atau penetapan
- Mengenal pasti persamaan dan perbezaan membezakan fakta dengan pendapat
- Mengelaskan data atau ciri. menyelesaikan masalah mengikut cara yang sistematis
- Mengaitkan idea yang berbeza
- Melihat sesuatu masalah, isu dari sudut yang berbeza

6 Pendidikan Nasional

Bagi memupuk sikap kecintaan terhadap tanah air dan mengukuhkan jati diri sebagai warga negara yang kesetiaan mereka tidak berbelah bagi, penerapan Pendidikan Nasional dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa

hendaklah disemaikan secara tidak langsung. Penyerapan hendaklan tidak melebihi sepuluh peratus daripada waktu pengajaran dan pembelajaran.

Enam perutusan Pendidikan Nasional:

- 1. Singapura adalah tanah air kita; di sini tempat kita.**
- 2. Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama**
- 3. Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat amanah**
- 4. Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura**
- 5. Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura**
- 6. Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita**

6.1 Hasil Ketara Pembelajaran Mengikut Peringkat - Pendidikan Nasional

Di akhir persekolahan rendah adalah diharapkan murid-murid dapat meresapi nilai-nilai dan sikap yang sesuai dengan semangat Pendidikan Nasional bagi memupuk sikap mencintai tanah air dan mengukuhkan jati diri sebagai warganegara yang kesetiaannya tidak berbelah bagi. Secara khusus murid dapat:

- Mengekalkan warisan dan mengamalkan cara hidup kita
- Mengekal keharmonian kaum, agama, budaya dan sebagainya
- Mendukung meritokrasi, bersifat amanah serta berpeluang mencapai kebolehan diri dan usaha masing-masing

- Mempertahankan cara hidup yang menjadi amalan dan kemakmuran negara
- Bersedia mempertahankan negara demi keselamatan dan kesejahteraan bersama
- Berazam, bersatu dan bersedia membina masa depan yang cemerlang bagi diri, keluarga, masyarakat dan negara

7 Teknologi Maklumat

Untuk menghadapi cabaran-cabaran alaf baru, penerapan Teknologi Maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah merupakan salah satu daripada tiga inisiatif pendidikan

Dengan penerapan Teknologi Maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu diharapkan agar murid-murid lebih terdedah kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan

Selain menjadikan pembelajaran bahasa lebih bermakna, murid-murid akan berasa seronok mempelajarinya. Mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemampuan serta dapat menguasai bahasa Melayu yang digunakan di rantau ini dan di dunia umumnya.

Penerapan Teknologi Maklumat tidaklah bermakna tugas guru semakin mudah malahan tugas guru semakin mencabar untuk menjana warganegara yang terhasil daripada wawasan pendidikan negara yang dicita-citakan yakni “Sekolah Berdaya Fikir, Negara Pencinta Ilmu”.

Perlu diambil perhatian oleh para guru bahawa penerapan Teknologi Maklumat ini hanya merupakan alat bantu dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dengan alat bantu ini diharapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa dapat membantu murid-murid membiasakan diri menimba ilmu melalui alat canggih. Murid-murid dapat meningkatkan pengetahuan berbahasa mereka sendiri dengan bantuan komputer pada bila-bila masa sama ada di dalam kelas, sekolah, perpustakaan, rumah dan sebagainya.

8 PENUTUP

Kemunculan sebuah dunia yang tidak lagi mengenal perbatasan negara, serentak dengan perubahan pesat dalam masyarakat, menjadikan penting sekali sukatan pelajaran Bahasa Melayu disemak semula agar kita tetap dapat memberikan kanak-kanak imbangan yang teguh ke arah pembentukan jiwa yang bermoral serta memupuk cinta dan komitmen mereka kepada negara.

Bersabit dengan kemahiran berfikir keberkesanannya bergantung kepada sejauh mana guru-guru dapat meningkatkan kualiti kemahiran berfikir pelajar, suasana yang menggalakan berfikir di dalam bilik darjah, guru-guru membantu dan memimpin pelajar berfikir dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik dan sejauh mana guru-guru berkemahiran menggabungkan kemahiran berfikir dalam sesuatu mata pelajaran dalam kurikulum.

Bersabit dengan Pendidikan Nasional pula penilaian boleh dengan ditinjau sejauh manakah pemupukan identiti, rasa bangga dan harga diri sebagai rakyat

Singapura, sejauh manakah murid-murid 'memahami' akan cerita Singapura yakni bagaimana Singapura berjaya mengatasi halangan-halangan untuk menjadi sebuah negara, sejauh manakah pemahaman murid-murid mengenai cabaran-cabaran, batasan-batasan dan kerentanan-kerentanan yang membezakan kita daripada negara-negara lain dan sejauh mana pula para pelajar telah ditanam nilai-nilai penting cara hidup kita, dan akan terus kekal yang akan menentukan kejayaan kita pada hadapan.

Bersabit dengan pelaksanaan program teknologi maklumat pula perlu kita fikirkan sejauh manakah para pelajar kita sudah cekap menggunakan Internet untuk mencari maklumat, sejauh manakah para pelajar berkemahiran menapis maklumat dari teks-teks, bagaimana pula guru yang terpaksa berhadapan dengan masalah tahap kebolehan pelajar-pelajar yang berbeza, kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan atau media elektronik seperti CD-ROM yang bermutu dalam Bahasa Melayu, bagaimana pula tentang masa kerana banyak persediaan yang harus dibuat oleh guru untuk menyampaikan pelajaran sedemikian. Di atas adalah beberapa persoalan yang dapat kita atasi dengan semangat yang kental dan gigih bagi mencapai tujuan pengajaran Bahasa Melayu kita iaitu pertama untuk meningkatkan penguasaan bahasa para pelajar dan kedua memelihara dan menyampaikan nilai-nilai budaya Melayu. Matlamat akhirnya pendidikan rendah terangkum di dalam **Hasil Pendidikan yang Diingini (Desired Outcomes of Education** iaitu dapat membezakan antara yang betul dengan yang salah, belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain, dapat menjalin persahabatan dengan orang lain, mempunyai sifat ingin tahu,

dapat berfikir dan melahirkan perasaan mereka, berbangga dengan kerja mereka, dapat memupuk tabiat-tabiati yang sihat dan akhirnya mencintai Singapura.

Rujukan

Bahagian Perancangan & Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2002 (Sekolah Rendah).

Ministry of Education 1997-1998 (1998). **Learning to Think, Thinking to Learn, Towards Thinking School, Learning Nation.**

Ministry of Education 1990-2000. (2000). **Mission With a Passion, Making a Difference.**

Curriculum Planning & Development Division, Ministry of Education 1999. Civics and Moral Education Syllabus (Primary).

Cawangan Bahasa & Kesusasteraan, Bahagian Perancangan & Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura. **Bahan Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah** (Nov 2001).

Bahagian Perancangan dan Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura. 2001 **AKAR BUKU TEKS 1a&b, 2a&b**

Bahagian Perancangan dan Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura. 2001 **AKAR BUKU KERJA 1a&b, 2a&b**

Marzano, R.J., et al.(1988). **Dimensions of Thinking: A Framework for Curriculum and Instruction.** Alexandria, Va:ASCD.

Swartz R.J. and Parks, S. (1994). **Infusing critical and creative thinking into content instruction: a lesson design handbook for the elementary grades.** Pacific Grove, CA: Critical Thinking Press & Software.